

Headline **Pemindahan teknologi Mimos untuk komersial**
Date **02 Jul 2009**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **12**
Article Size **295 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,830**
PRValue **17,491**



Pemindahan teknologi Mimos untuk komersial

Oleh **KHAIRUNNISA SULAIMAN**

PLATFORM teknologi asas Mimos Berhad (Mimos) telah dipindahkan kepada lima industri asli bagi pengkomersialan dalam misi agensi tersebut untuk berkembang dalam industri terbabit di peringkat antarabangsa.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, **Datuk Abdul Wahab Abdullah** berkata, tujuan utama adalah untuk menjana teknologi dengan memaksimumkan penggunaan teknologi.

"Ini membawa kepada menyatukan beberapa jenis teknologi dan menjadikannya sebagai satu piawaian," katanya.

Menurut Abdul Wahab, sehingga kini Mimos telah menerima 76 permohonan bagi pemindahan teknologi daripada penerima teknologi berpotensi dan menasarkannya sehingga 100 permohonan menjelang hujung tahun.

Sehingga kini Mimos telah membangunkan sejumlah 21 prototaip teknologi.

Pemindahan teknologi adalah proses di mana Mimos memberikan lesen bagi sesuatu teknologinya digunakan oleh penerima terpilih.

Penerima teknologi akan membangunkan teknologi berkenaan ke dalam bentuk produk atau aplikasi bagi memberikan kemudahan dalam pasaran yang mereka ceburi.

Pengkomersialan penyelidikan gunaan MIMOS selaras dengan aspirasi kerajaan bagi menjadikan negara sebagai pengeksport produk ICT menjelang

tahun 2020.

"Pemindahan teknologi asas MIMOS daripada makmal kamu kepada industri merupakan testimoni bagaimana MIMOS membina ekosistem teknologi dalam usaha kita ke arah pengkomersialan teknologi tempatan sebagai sumber utama pembangunan ekonomi dan hasil pendapatan negara," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan baru-baru ini.

Lima penerima teknologi MIMOS

1. Bill Adam Associates Sdn. Bhd. telah diberikan lesen Personalizer Platform On Demand (PPOD) iaitu satu platform yang membolehkan aplikasi mudah alih membangunkan aplikasi context-Aware. Teknologi ini berguna untuk tujuan pengesanan, profil

dinamik pintar dan cadangan tempat membeli belah.

2. InfoValley Life Science Sdn. Bhd. telah diberikan lesen Semantic Infosteology - platform bagi aplikasi komputer lebih bermakna dan berasaskan pengetahuan.

3. In-Fusion Solutions Sdn. Bhd. telah diberikan lesen Ontology Driven Intelligent Diagnoser Advisor (ODIDA) adalah asas pengetahuan bagi bidang pediatrik, kardiovaskular dan kesihatan pekerjaan.

Menggunakan interaksi bebas tangan berkelajuan tinggi dengan pengetahuan asas semantik bagi diagnos pesakit menerusi komputer mudah alih (Zypad).

4. Pernec Integrated Network Systems Sdn Bhd telah diberikan lesen MIMOS WiWi Gen 1.5 (penyelesaian hibrid yang menyediakan WiFi sebagai hotspot dan WiMax sebagai backhaul),

Internet Protocol Version 6 (IPv6) dan teknologi semantik.

5. CeedTec Sdn Bhd pula menerima lesen bagi MIMOS WiWi Gen 1.5 iaitu satu penyelesaian hibrid yang menyediakan WiFi sebagai hotspot dan WiMax sebagai backhaul.

Lima penerima berkenaan dikenalpasti oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di bawah program perlesenan selaras dengan misi negara untuk meningkatkan kadar pengkomersialan kepada sekurang-kurangnya 10 peratus daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) satu inisiatif yang dilakukan oleh sektor kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke 9 (RMK9).

Menerusi program perlesenan teknologi MOSTI, MIMOS membantu meningkatkan perkembangan syarikat dan industri untuk bersaing menerusi pembangunan produk strategik yang mendapat pasaran yang melibatkan pembangunan teknologi bagi pengkomersialan industri.



**ABDUL WAHAB
ABDULLAH**